

06/09/1998

Keutuhan parti dipertahan

KOTA BHARU: Kekuatan dan keutuhan Umno sebagai parti yang menjadi tunjang perjuangan orang Melayu perlu dipertahankan walaupun terpaksa mengorbankan pemimpin.

Ini berikutan prinsip Umno yang menitikberatkan tanggungjawab moral di kalangan ahlinya, selaras kedudukannya sebagai organisasi parti politik terbesar di negara ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata keadaan itu membuatkan Umno sedia mengambil tindakan tegas terhadap ahlinya tanpa mengira kedudukan jika mendapati timbul masalah yang boleh memberi kesan negatif kepada parti.

Katanya, tindakan yang diambil adalah bagi memastikan kepemimpinan pihak terbabit tidak dipersoal atau dipertikaikan mana-mana pihak.

Tanpa merujuk kepada mana-mana pihak, beliau berkata ahli Umno harus sedia menerima hakikat tindakan tegas terpaksa diambil dalam beberapa keadaan tertentu demi menjaga maruah dan moral parti.

"(Tindakan) ini perlu walaupun terpaksa mengorbankan pemimpin kerana ia bertujuan mengukuhkan kedudukan parti.

"Yang penting kita (ahli Umno) perlu melaksanakan tanggungjawab dan menjaga moral Umno sebagai organisasi besar," katanya selepas merasmikan Pelancaran Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Parlimen Peringat, di Pusat Tarbiah Ukhwah dan Riadah Rakyat (Putra) di Kampung Chengal, dekat sini, semalam.

Ditanya pendirian Umno Melaka berhubung keputusan MT memecat Anwar daripada Umno, Abu Zahar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka berkata, keputusan itu adalah berdasarkan asas yang kukuh.

"Umno Melaka menyokong tindakan yang diambil MT dan Pesiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam situasi sekarang, saya minta semua ahli Umno Melaka bertenang dan berfikiran secara matang berhubung isu itu.

"Apa yang penting sekarang, ahli Umno perlu meneruskan perjuangan parti demi menjaga kepentingan orang Melayu," katanya.

(END)